

TERKINI as Negeri Sembilan FC

23 cedera dalam kemalangan babitkan bas persiaran di Sibu

20 ahli 'Geng TR' dihadapkan ke mahkamah

🕒 29/05/2024 | 3:25 PM - 📄 KES



20 individu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan menyertai kumpulan jenayah terancang, Geng TR sejak lima tahun lepas/Foto BERNAMA

KLANG, 29 Mei – Seramai 20 individu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan menyertai kumpulan jenayah terancang, Geng TR sejak lima tahun lepas.

Mereka adalah N. Nithiyan, 39; S. Logan, 32; R. Parthipan, 32; M. Keshava Nair, 30; A. Balamurugan, 40; V.S Wilbert, 46; M. Ramakrishnan, 45; R.E Mohan, 34; M. Thanasekaran, 44; Edward Liew, 49 dan S. Manoraj, 28.

Turut didakwa M. Amaran, 30; S. Hemanathan, 31; K. Thana Seelan, 38; K. Ravishankara, 43; Muhammad Razi Abdullah, 51; G. Deeneskumar, 29; K. Venaigaraj, 32; A. Kogilan, 26, dan M. Tineshkumar, 26.

Kesemua lelaki berkenaan menganggu faham ketika pertuduhan ke atas mereka dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Ahmad Faizadh Yahaya.

Tiada pengakuan direkodkan dalam prosiding hari ini kerana pertuduhan dilakukan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSI)  MS berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

DISYORKAN

23 cedera dalam kemalangan babitkan bas persiaran di Sibu

Op Tapis Khas: 21 individu dicekup di Kuching

Warga emas lemas ketika bercuti di Tasik Kenyir

Nelayan hilang: Kawasan pencarian diperluas

Mengikut pertuduhan mereka didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah restoran makanan laut di Sungai Janggut, Kuala Selangor pada November 2019 hingga 2 Mei lepas.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 130V(I) Kanun Keseksaan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara antara lima hingga 20 tahun, jika sabit kesalahan, dengan pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Shafiq Hashim, Lina Hanini Ismail dan Syafinas Shabudin.

Seramai 14 daripada tertuduh diwakili peguam Ayasamy Velu, Naizatul Zamrina Karizaman, Revin Kumar dan S. Vinesh, manakala enam lagi tidak diwakili peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan 26 Jun ini untuk sebutan semula kes bagi memindahkan prosiding ke Mahkamah Tinggi.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain sebelum ini dilaporkan berkata polis menahan 21 individu yang disyaki terlibat dengan kumpulan kongsi gelap menerusi Op Lima di sekitar Selangor, Johor dan Pahang pada 3 Mei lepas.

Beliau berkata seorang lagi individu tidak dapat didakwa di mahkamah kerana sedang menerima rawatan di Institut Jantung Negara, dan polis sedang memburu 10 lagi ahli Geng TR itu yang masih bebas. – BERNAMA







M

PALING POPULAR

Jet peribadi
terhempas,
timbangan
menteri dan
empat maut



Iran berjaya
bedil USS
Abraham
Lincoln



Berita Ehwat Semasa

Berita RTM,
Wisma Berita,
Angkasapuri
Kota Media,
50614 Kuala
Lumpur

☎ : +60322823119
:
✉ portalberita@rtm.gov.my
: Aduan &
✉ Maklum balas





Pihak Portal Berita RTM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat dalam laman ini.